



24 Jun 2013  
24 June 2013  
P.U. (A) 182

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN REKA BENTUK PERINDUSTRIAN  
(PINDAAN) 2013

*INDUSTRIAL DESIGNS (AMENDMENT) REGULATIONS 2013*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

**AKTA REKA BENTUK PERINDUSTRIAN 1996**

**PERATURAN-PERATURAN REKA BENTUK PERINDUSTRIAN (PINDAAN) 2013**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 [Akta 552], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2013.

**Pindaan peraturan 21**

2. Peraturan-Peraturan Reka Bentuk Perindustrian 1999 [P.U. (A) 351/1999], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan peraturan 21 dengan peraturan yang berikut:

**"Butir-butir yang perlu dicatatkan dalam Daftar**

21. Pendaftar hendaklah mencatatkan butir-butir yang berhubungan dengan setiap reka bentuk perindustrian dalam Daftar seperti yang berikut:

(a) tarikh pendaftaran;

(b) tarikh prioriti, jika ada, yang ditetapkan menurut suatu tuntutan kepada hak prioriti di bawah seksyen 17 Akta dan nama negara atau wilayah berkenaan;

(c) nama, alamat dan alamat penyampaian pemunya;

(d) nombor pendaftaran;

(e) suatu representasi reka bentuk perindustrian;

- (f) peryataan kebaharuan yang berhubungan dengan reka bentuk perindustrian;
- (g) butir-butir mengenai hakmilik atau kepentingan yang melibatkan reka bentuk perindustrian di bawah seksyen 30 Akta, jika ada;
- (h) suatu catatan yang dibuat di bawah subperaturan 26(2);
- (i) tarikh reka bentuk perindustrian itu habis tempoh, luput, dibatalkan atau tidak sah;
- (j) nama ejen yang dilantik mengikut peraturan 32, alamat atau alamat penyampaiannya, jika ada; dan
- (k) apa-apa butir lain yang Pendaftar fikirkan patut untuk dicatatkan dalam Daftar.”.

### **Pindaan peraturan 22**

3. Peraturan 22 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “*Warta*” dengan perkataan “Jurnal Rasmi”.

### **Pindaan peraturan 23**

4. Peraturan 23 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “dalam masa enam bulan” dengan perkataan “pada bila-bila masa”.

### **Pindaan peraturan 26**

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 26 dengan peraturan yang berikut:

#### **“Permohonan untuk merekod penyerahhakan, dsb.**

26. (1) Suatu permohonan untuk mendaftarkan butir-butir mengenai hakmilik atau kepentingan di bawah subseksyen 30(1) Akta hendaklah—

- (a) dibuat kepada Pendaftar dalam Borang RP 5;
- (b) disertakan dengan—
  - (i) fi yang ditetapkan; dan
  - (ii) salinan terperaku penyerahhakan, perpindahan, kuat kuasa undang-undang atau urus niaga kepentingan sekuriti, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
  - (iii) apa-apa keterangan lain yang Pendaftar sifatkan sebagai bukti yang mencukupi bagi urus niaga itu.

(2) Pendaftar boleh menghendaki pemohon untuk memberikan apa-apa dokumen, surat cara atau maklumat lain yang menyokong permohonan itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pendaftar dalam apa-apa tempoh masa yang ditetapkan oleh Pendaftar.

(3) Pemohon boleh memohon kepada Pendaftar bagi pelanjutan masa dalam Borang RP 13 sebelum habisnya tempoh yang ditetapkan oleh Pendaftar yang disebut dalam subperaturan (2) atau apa-apa tempoh masa yang dilanjutkan sebelum ini yang dibenarkan oleh Pendaftar.

(4) Jika urus niaga itu dibuat melalui surat cara yang boleh dikenakan cukai, kelulusan permohonan itu hendaklah tertakluk kepada Pendaftar berpuas hati bahawa surat cara itu telah disetem dengan sewajarnya.

(5) Suatu permohonan untuk meminda apa-apa butir mengenai hakmilik atau kepentingan yang memberi kesan kepada reka bentuk perindustrian di bawah subseksyen 30(1) Akta hendaklah dibuat dalam Borang RP 9.

(6) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa permohonan itu lengkap, Pendaftar hendaklah membuat apa-apa catatan dalam Daftar sebagaimana yang difikirkannya patut.”.

### **Pindaan peraturan 28**

6. Peraturan 28 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “notis usul” dengan perkataan “saman pemula”; dan
  - (b) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “*Warta*” dengan perkataan “Jurnal Rasmi”.

### **Pindaan peraturan 30**

7. Peraturan 30 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “*Warta*” dengan perkataan “Jurnal Rasmi”.

### **Pindaan peraturan 36**

8. Peraturan 36 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam perenggan (1)(a), dengan menggantikan perkataan “Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 [P.U. (A) 50/80]” dengan perkataan “Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [P.U. (A) 205/2012]”.

### **Pindaan peraturan 45**

9. Peraturan 45 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tidak terperaku” dengan perkataan “pendua”.

### **Pindaan Jadual Pertama**

10. Jadual Pertama Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam butiran 14, dengan menggantikan perkataan “tidak diperakui” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “pendua”.

## **Pindaan Jadual Kedua**

11. Jadual Kedua Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan Borang RP 5 dengan borang yang berikut:

### **"BORANG RP 5**

#### **PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA**

Akta Reka Bentuk  
Perindustrian 1996  
Peraturan-Peraturan Reka  
Bentuk Perindustrian 1999  
(Seksyen 30 dan Peraturan 26)

Pejabat Pendaftaran  
Reka Bentuk Perindustrian

**PERMOHONAN BAGI MEREKODKAN PENYERAHHAKAN, PERPINDAHAN, KUAT  
KUASA UNDANG-UNDANG LAIN ATAU URUS NIAGA KEPENTINGAN SEKURITI  
KEPADAA:**

- (i) **SUATU REKA BENTUK PERINDUSTRIAN BERDAFTAR;**  
ATAU  
(ii) **PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN SUATU REKA BENTUK  
PERINDUSTRIAN**
- 

1. Nombor permohonan (untuk kegunaan rasmi sahaja):  

---

2. Nombor pendaftaran:  
Berikan jumlah nombor jika lebih daripada satu.  

---

3. Nama penuh dan alamat pemohon/pemunya/setiap pemohon/pemunya sebagaimana yang direkodkan dalam Daftar atau permohonan pada masa ini:  

---

4. Nama penuh dan alamat orang/setiap orang yang membuat permohonan ini:  
(Biarkan kosong jika maklumat ini sama dengan yang diberikan dalam ruang 3)  

---

5. Alasan untuk permohonan ini:

Salinan terperaku dokumen bagi penyerahhakan, perpindahan, kuat kuasa undang-undang lain atau urus niaga kepentingan sekuriti hendaklah disertakan.

Nyatakan yang berkaitan

Penyerahan

Perpindahan

Kuat kuasa undang-undang lain

Urus Niaga Kepentingan  
Sekuriti

Berikan butir-butir termasuk tarikh dan nama semua pihak yang terlibat, termasuk pertubuhan perbadanan, negara dan, jika sesuai, negeri pertubuhan perbadanan diperbadankan.

Nama:

Tarikh:

---

6. Nama ejen (jika berkenaan):

Alamat penyampaian di Malaysia di mana surat-menyurat patut dihantar:

---

7. Akuan:

(Nama dan status setiap penandatangan hendaklah juga dimasukkan, jika berkaitan)

Saya/Kami mengaku bahawa jika hak reka bentuk perindustrian wujud dalam reka bentuk perindustrian/setiap reka bentuk perindustrian yang disebut dalam ruang 2, orang yang berhak kepada apa-apa kepentingan yang diminta oleh pemohon untuk didaftarkan adalah juga berhak kepada kepentingan yang bersamaan dalam reka bentuk perindustrian itu.

(Potong yang tidak berkenaan)

---

Tandatangan

---

Tarikh

---

8. Nama dan nombor telefon orang yang boleh dihubungi di Malaysia:

\_\_\_\_\_  
dan \_\_\_\_\_;

- (b) dengan menggantikan perkataan "tidak diperakui" dalam Borang RP 14 di mana-mana juga terdapat dengan perkataan "pendua".

Dibuat 12 Jun 2013  
[KPDN (MYIPO); PN(PU2)588/III]

DATO' HASAN BIN MALEK  
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi dan Kepenggunaan*